



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK**



URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM
GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

KANDUNGAN

PERKARA	Muka surat
1.0 BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
2.0 BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	7
3.0 BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)	7
4.0 BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	8
5.0 BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	8
6.0 BAHAGIAN 6 (PERANAN)	10
7.0 BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)	11



URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1. PENGENALAN

Geran Penyelidikan Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak telah diperkenalkan pada tahun 2022. Geran penyelidikan ini ditawarkan oleh Urus Setia Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak, UKM bagi menggalakkan penyelidikan dalam kalangan penyelidik UKM.

1.2. DOMAIN PENYELIDIKAN

Setiap permohonan adalah seperti berikut:

- a) Sains Tulen dan Gunaan (Pure and Applied Sciences)
- b) Teknologi dan Kejuruteraan (Technology and Engineering)
- c) Sains Sosial (Social Sciences).
- d) Sastera dan Sastera Ikhtisas (Arts and Applied Arts).
- e) Warisan Alam dan Budaya (Natural and Cultural Heritage).
- f) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Information and Communication Technology)

1.3. KLUSTER PENYELIDIKAN

Setiap permohonan hendaklah berdasarkan salah satu domain penyelidikan seperti berikut:

- a) Transformasi Sosial dan Ekonomi.
- b) Teknologi Digital dan Terkehadapan.
- c) Sumber Lestari Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar.
- d) Warisan dan Masyarakat Madani.

1.4. OBJEKTIF

Tujuan geran ini adalah untuk meningkatkan aktiviti penyelidikan berteraskan Penyelidikan Tindakan/Gunaan (*Applied/Action Research*) dan boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Sarawak, khusus dalam bidang:

- i. Kerangka Ekonomi Digital Negeri Sarawak;
- ii. Pembangunan Tamadun Negeri Sarawak.

1.5. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a) Geran ini terbuka kepada semua kakitangan akademik aktif kecuali staf akademik yang:
- Bercuti sabbatical, bercuti pasca doktoral dan bercuti sangkutan (dalam dan luar negara) melebihi tempoh enam (6) bulan semasa tarikh tutup permohonan;
 - Bercuti belajar; dan
 - Dipinjamkan ke agensi luar

Nota:

Staf akademik aktif merangkumi Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Guru dan Felo Pengajar yang mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya sarjana (masters) dan Felo Penyelidik yang dibayar gaji (bukan honorarium) oleh Universiti.

- b) Bagi staf akademik bertaraf kontrak, dimestikan mempunyai penyelidik bersama (warga UKM) bertaraf tetap dalam bidang kepakaran yang sama.
- c) Penyelidikan perlu menepati objektif geran yang ditetapkan.
- d) Penyelidikan digalakkan berkolaborasi dengan agensi kerajaan/swasta/industri atau komuniti bagi melaksanakan projek tersebut. Bukti dokumen adalah sekurang-kurangnya surat niat (*Letter of Intent*) dari rakan kolaborasi (dalam bentuk surat rasmi yang menggunakan *letterhead* agensi kolaborator) atau surat niat mengikut format Pejabat Penasihat Undang-Undang UKM.

Nota:

Kolaborasi bersama agensi berikut adalah tidak diterima:

- Institut Pengajian Tinggi (IP) Awam/ Swasta Dalam Negara/Luar Negara
- Institut Pendidikan Guru (IPG)
- Politeknik/Kolej Komuniti
- Institusi Pendidikan (sekolah/kolej vokasional)

- e) Menepati siling peruntukan iaitu RM20,000.00.
- f) Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli penyelidik UKM (termasuk ketua projek).



URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

- g) Penglibatan penyelidik bersama dari luar UKM dibenarkan tidak melebihi dua (2) orang.
- h) Setiap pemohon dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja.

1.6. TEMPOH PENYELIDIKAN

Jangkamasa projek adalah dua belas (12) bulan.

1.7. TATACARA PERMOHONAN

1. Permohonan geran adalah melalui Borang Cadangan Penyelidikan yang dikeluarkan oleh pihak Urus Setia dan dikemukakan sebelum atau pada tarikh yang akan tentukan di dalam hebahan tawaran geran. Permohonan yang lewat tidak dapat dipertimbangkan.
2. Borang Cadangan Permohonan yang lengkap diisi berserta dokumen-dokumen berkaitan hendaklah dikemukakan menerusi emel kursisos@ukm.edu.my.

1.8. PERATURAN PERBELANJAAN

Penggunaan peruntukan adalah dibenarkan untuk item yang diluluskan dibawah kod perbelanjaan berikut:

- a) **Vot 11000 (Upah dan elaun)**
 - i. Melantik Pembantu Penyelidik (RA) dan Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh CRIM.
 - ii. Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan Pembantu Penyelidik (RA) adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.
- b) **Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)**
 - i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara yang berkaitan dengan projek.
 - ii. Perjalanan ke luar negara adalah tidak dibenarkan.
 - iii. RA hanya dibenarkan menghadiri persidangan, kerja lapangan, kursus dan bengkel perjalanan dalam negara sahaja.



URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

iv. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 40 peratus (40%) daripada jumlah keseluruhan projek.

c) **Vot 24000 (Sewaan)**

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barangan lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

d) **Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)**

Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan.

e) **Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)**

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

f) **Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)**

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, penggunaan komputer, pemprosesan data, yuran persidangan, yuran penerbitan, saguhati dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan.

1.9 HASIL PENYELIDIKAN

a) **Penerbitan**

- i. Penyelidik perlu menghasilkan satu (1) penerbitan jurnal berindeks bagi setiap jumlah peruntukan yang telah diluluskan.
- ii. Penerbitan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja yang diambil kira.
- iii. Penghargaan kepada universiti dan geran penyelidikan kursi mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- iv. Jika penghargaan diberikan kepada lebih daripada satu (1) geran penyelidikan, penerbitan tersebut akan diambil kira sebagai output bagi projek penyelidikan yang dinyatakan sebagai penghargaan pertama.



URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

- v. Artikel yang telah diterbitkan perlu didaftarkan di Sistem e-Repository Penerbitan.
- vi. Penyelidik juga perlu menghasilkan satu (1) buah buku sebagai rujukan yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat Islam di Sarawak.

b) Harta Intelek dan Hasil Pengkomersialan

Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran harta intelek dan pengkomersialan melalui Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (INOVASI@UKM™).

1.10 TEMPOH IKLAN

Urus Setia Kursi akan membuat pemakluman mengenai tarikh buka dan tutup permohonan melalui hebahan rasmi secara emel kepada seluruh warga UKM.

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

PENILAIAN

- a) Permohonan Geran Penyelidikan Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak akan dinilai oleh panel penilai yang dilantik mengikut bidang projek penyelidikan.
- b) Perakuan daripada panel penilai akan dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi untuk tujuan kelulusan.
- c) Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi adalah muktamad.
- d) Carta alir permohonan dan kelulusan adalah seperti pada Bahagian 7.

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

PEMAKLUMAN KEPUTUSAN

- a) Keputusan permohonan geran akan dimaklumkan kepada pemohon dalam tempoh empat belas (14) hari selepas kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kursi.
- b) Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan akan dikeluarkan kepada ketua projek.

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1. LAPORAN KEMAJUAN

- a) Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui SMPU dan satu (1) salinan laporan kemajuan yang diisi dalam SMPU mesti diserahkan kepada Urus Setia Kursi Sheikh Othman Sarawak dalam tempoh yang ditetapkan. Setiap ketua projek bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan.
- b) Pemantauan dilakukan setiap enam (6) bulan. Laporan kemajuan berdasarkan jadual di bawah:

Bulan	Tempoh Penghantaran
Mac	1-31 Mac
September	1-30 September

Nota:

Laporan kemajuan setiap projek diuruskan melalui proses yang telah ditetapkan dalam SMPU. Kegagalan mematuhi tempoh penghantaran yang ditetapkan ini akan menyebabkan sekatan sistem terhadap peruntukan projek sehingga laporan kemajuan ini dikemukakan dan diperakukan oleh F/I/P.

4.2. LAPORAN AKHIR

Laporan akhir perlu dihantar **dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat** projek. Penghantaran laporan akhir adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) dan satu (1) salinan laporan akhir yang diisi dalam SMPU mesti diserahkan kepada Urus Setia Kursi Sheikh Othman Sarawak dalam tempoh berkenaan. **Kegagalan menghantar laporan akhir akan menyebabkan Ketua Projek disenarai hitam daripada memohon sebarang projek penyelidikan di bawah Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak.**

BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

5.1 KETUA PROJEK BERHENTI / PINDAH FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (F/I/P)

Fakulti perlu memaklumkan kepada CRIM dan pihak Urus Setia Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak apabila ketua projek yang telah/akan berhenti perkhidmatan di UKM. Projek yang diluluskan akan terus kekal di F/I/P dan tidak boleh dipindahkan ke F/I/P lain.

5.2 TAMBAH MASA TEMPOH PENYELIDIKAN

Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum tercapai. Permohonan perlu menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK03-BO01). Syarat-syarat permohonan adalah:

- a) Permohonan mestilah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tamat projek.
- b) Permohonan tidak boleh melebihi satu (1) kali sahaja.
- c) Tempoh tambah masa maksimum adalah selama satu (3) bulan bagi setiap permohonan.
- d) Setiap permohonan perlulah disokong dengan Borang Laporan Penilaian Prestasi dan Kemajuan Dana UP (UKM-SPKP-CRIM-PK02-BO01).

5.3 PENUKARAN V-SIRI PERUNTUKAN PROJEK

- a) Permohonan penukaran V-Siri belanjawan projek penyelidikan boleh dipertimbangkan sekiranya projek memerlukan pindahan kewangan berdasarkan keperluan dan justifikasi yang kukuh.
- b) Permohonan hanya boleh dibuat SEKALI SETAHUN dalam tempoh projek aktif.

5.4 PENAMBAHAN PENYELIDIK BERSAMA

Penambahan penyelidik bersama hanya boleh dibuat dengan justifikasi yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pengurusan Kursi.

5.5 PENGGUNAAN PERUNTUKAN SELEPAS TARIKH TAMAT PROJEK

Penggunaan peruntukan selepas projek tamat boleh dipertimbangkan mengikut garis panduan berkuatkuasa (Boleh rujuk di Laman Web CRIM). Tuntutan perbelanjaan semasa projek aktif boleh dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas tarikh tamat projek. Selepas tempoh ini akaun projek akan ditutup dan baki peruntukan akan dipulangkan kepada pembiaya dana.

5.6 KES KHAS



URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

Pertimbangan dan pengecualian dalam kes-kes tertentu boleh diberikan berdasarkan keperluan Urusetia Kursi Wakaf Sheikh Othman Sarawak.

BAHAGIAN 6 (PERANAN)

6.1 URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

- a) Memaklumkan pelawaan dan hebahan permohonan geran penyelidikan kepada fakulti/ institut/pusat.
- b) Memaklumkan keputusan penilaian kepada ketua projek.
- c) Memaklumkan kepada penyelidik sebarang perubahan dan perkembangan terbaru mengenai geran penyelidikan Kursi.
- d) Memaklumkan kepada CRIM berkaitan sebarang perubahan melibatkan projek penyelidikan/penyelidik.
- e) Membuat pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi projek penyelidikan.
- f) Mengurus aset daripada geran penyelidikan.


6.2 KETUA PROJEK

- a) Membaca dan memahami garis panduan geran penyelidikan sebelum memohon.
- b) Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti dikehendaki.
- c) Memastikan projek penyelidikan berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan jejak kunci mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberikan.
- d) Mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap enam (6) bulan sekali dan menghantar laporan akhir selepas projek tamat.

6.3 PENYELIDIK BERSAMA

- a) Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.
- b) Bertanggungjawab dalam pelaporan kemajuan projek dan laporan akhir.

BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)





URUS SETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK, UKM
GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN TINDAKAN
KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK

URUSETIA KURSI WAKAF SHEIKH OTHMAN SARAWAK
FAKULTI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM BANGI SELANGOR
NO. TEL: 03-89215622
NO. FAKS: 03-89213185
EMEL: kursisos@ukm.edu.my
LAMAN SESAWANG: www.ukm.my/kursisos